

TARIKH : 9 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11

Pemimpin perlu berani perkayakan bahasa Melayu

Pemimpin perlu berani perkayakan bahasa Melayu



Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

Penolong
Pengarang Berita BH

Buat seketika masyarakat di negara ini sibuk menyemak kamus ketika perkataan 'cerakin' disebut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sidang medianya pada 27 November lalu.

Usai memahami makna cerakin, sekali lagi masyarakat linglung mencari maksud perkataan 'karar' dan 'kesenjangan,' malah ramai pula bertanya-tanya apakah pula 'perkataan baharu' yang akan disebut Anwar.

Anwar dan penggunaan istilah bahasa Melayu segar dan dinamis bukan hal baharu sebenarnya. Sewaktu menjadi Menteri Pendidikan pada 1986 hingga 1991, beliau turut mempopularkan beberapa perkataan antaranya kudapan dan merarau.

Dua perkataan itu dipetik daripada dialek tempatan, iaitu kudapan yang datang daripada loghat utara, manakala merarau (makan tengah hari) dipetik daripada bahasa Iban.

Pengerusi Lembaga Pengelola, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Prof Datuk Seri Dr Awang Sariyan menyifatkan hal menarik perhatian mengenai penggunaan perkataan oleh Anwar adalah keupayaannya mencari kesegaran dan kedinamian dalam pemilihan kata.

Tegasnya, kebanyakan orang tertarik dengan perkataan baharu atau jarang digunakan. Justeru kata seperti kesenjangan bagi jurang, misalnya mungkin menimbulkan kesegaran bahasa.

"Bahasa Melayu beruntung kerana memiliki dua

variasi besar, iaitu yang digunakan Malaysia dan beberapa negara, manakala satu lagi yang digunakan di Indonesia.

"Pengguna bahasa wilayah alam Melayu dan wilayah lain perlu saling memanfaatkan kekayaan kosa kata bahasa Melayu serumpun, sekali gus tidak berfikir sempit atau parokial," katanya.

Tegas Awang, dalam hal ini keterbukaan sikap akan kekayaan kosa kata bahasa Melayu serantau, persefahaman antara pelbagai etnik dalam rumpun alam Melayu dapat ditingkatkan.

DBP optimis laksana pelbagai usaha

Sebenarnya usaha untuk memperkayakan bahasa Melayu serantau menerusi penyatuannya sudah dibuat DBP sejak 1956 lagi khususnya antara Malaysia ketika itu dikenali sebagai Tanah Melayu dan Indonesia.

Usaha itu mula membuahkan hasil apabila pada 1972, tertubuhnya Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) yang memberikan perhatian kepada usaha penyelarasan ejaan bersama dan peristilahan pelbagai bidang ilmu dan profesional.

Sekitar 1985, badan kerjasama bahasa serantau itu disertai Brunei Darussalam, yang kemudiannya menukarkan MBIM kepada Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM), sementara Singapura menjadi anggota pemerhati.

MABBIM turut menarik minat Thailand yang kemudian turut menyertai Singapura sebagai anggota pemerhati, manakala bidang kerjasama pun dilancarkan sejak tahun 1990-an, meliputi peristilahan, penyelidikan, penerbitan dan pemupukan (kegiatan).

Sebenarnya dalam memperkukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa serantau sudah pun ada jalannya. Ia hanya memerlukan kesungguhan dan pengukuhan sahaja. Malah tidak mustahil cita-cita membentuk bahasa Melayu menjadi bahasa besar di dunia boleh sahaja menjadi nyata.

Apa yang perlu adalah kesungguhan pemimpin itu sendiri untuk menjayakannya. Ia tidak perlu dimulakan dengan langkah gagah misalnya mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN sedangkan isu domestik berkaitan bahasa Melayu dalam negara sendiri tidak berjaya ditangani dengan baik.

Sebaliknya ia harus dimulakan dengan langkah berani pemimpin itu sendiri memperkayakan penguasaan bahasanya. Selain Anwar, siapakah lagi pemimpin yang mungkin akan muncul membangkitkan minat rakyat terhadap bahasa Melayu.

Dalam hal ini Awang berpandangan, pemimpin yang faham mengenai peranan bahasa sebagai alat komunikasi yang berkesan akan sedar pentingnya penguasaan dan penggunaan bahasa.

"Namun, kebanyakan pemimpin kurang menyedari fakta itu. Dari segi peranan dan impak kepada pembinaan sikap rakyat mengenai bahasa negara, pemimpin bertanggungjawab menunjukkan teladan, baik dalam hal mengutamakan bahasa negara mahupun dalam hal memastikan mutu bahasa yang baik," katanya.

Justeru, kita mengharapkan Anwar menjadi teladan kepada seluruh Kabinetnya yang kemudian 'memperturunkan' semangat jitu itu ke kementerian masing-masing, bukan semata-mata melepaskan batok di tangga.